



26 Oktober 2015
26 October 2015
P.U. (A) 254

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(PERJANJIAN BEKALAN AIR PUKAL) 2015

*WATER SERVICES INDUSTRY (BULK WATER SUPPLY
AGREEMENT) RULES 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERJANJIAN BEKALAN AIR PUKAL) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 180(b)(iii) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Bekalan Air Pukal) 2015**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“pembekal” ertinya pemegang lesen perkhidmatan yang membekalkan air secara pukal;

“pembeli” ertinya pemegang lesen perkhidmatan yang membeli air secara pukal;

“perjanjian bekalan air pukal” ertinya suatu perjanjian untuk membekalkan air secara pukal yang dibuat oleh pemegang lesen perkhidmatan dan termasuk suatu perjanjian bekalan air pukal yang telah dibaharui dan suatu perjanjian tambahan kepada suatu perjanjian bekalan air pukal.

Perjanjian bekalan air pukal hendaklah secara bertulis

3. Seseorang pemegang lesen perkhidmatan yang memerlukan bekalan air secara pukal daripada pemegang lesen perkhidmatan yang lain hendaklah membuat suatu perjanjian bekalan air pukal bertulis dengan pemegang lesen perkhidmatan yang bersetuju untuk membekalkan air secara pukal.

Terma dan syarat

4. (1) Suatu perjanjian bekalan air pukal—

(a) hendaklah mengandungi terma penting yang diperuntukkan dalam—

(i) Jadual Pertama, jika perjanjian bekalan air pukal itu adalah antara pemegang lesen perkhidmatan yang menjalankan pengagihan air; atau

(ii) Jadual Kedua, jika perjanjian bekalan air pukal itu adalah antara pemegang lesen perkhidmatan yang menjalankan rawatan air dengan pemegang lesen perkhidmatan yang menjalankan pengagihan air;

(b) hendaklah mengandungi apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya sebelum pendaftaran perjanjian bekalan air pukal itu; dan

(c) boleh mengandungi terma yang dipersetujui oleh pembeli dan pembekal tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

(2) Suatu perjanjian bekalan air pukal hendaklah selaras dengan Akta, perundangan subsidiarinya dan apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya yang berkaitan dengan pembekalan air secara pukal.

JADUAL PERTAMA

TERMA PENTING PERJANJIAN BEKALAN AIR PUKAL ANTARA PEMEGANG LESEN
PERKHIDMATAN YANG MENJALANKAN PENGAGIHAN AIR

[Subperenggan 4(1)(a)(i)]

BAHAGIAN A

AM

Tafsiran

1. Bagi maksud perjanjian bekalan air pukal ini—

“caj bekalan air pukal” ertinya caj yang dikenakan oleh pembekal bagi pembekalan air secara pukal kepada pembeli;

“kadar bekalan air pukal” ertinya kadar semeter padu air yang dibekalkan secara pukal;

“meter” ertinya meter alih elektro magnetik;

“penyenggaraan berjadual” ertinya penyenggaraan sistem bekalan air pembekal atau mana-mana bahagian sistem bekalan air itu, yang dikenal pasti dalam pelan penyenggaraan pembekal dan diberitahu kepada pembeli;

“kejadian *force majeure*” ertinya—

(i) gempa bumi, petir, ribut, banjir, kebakaran, penenggelaman, tanah runtuh, cuaca buruk yang luar biasa, wabak atau apa-apa bencana alam yang lain;

(ii) sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan buangan nuklear, pembakaran bahan api nuklear, bahan buangan toksik radioaktif atau sifat berbahaya apa-apa bahan letupan yang lain, perkumpulan nuklear atau mana-mana bahagian komponen nuklear;

- (iii) rusuhan dan kekacauan, mogok, sekat masuk, pergolakan buruh atau pertikaian industri yang lain (yang menjejaskan pelaksanaan perjanjian bekalan air pukal) yang bukan kesalahan pihak-pihak atau kontraktornya; dan
- (iv) peperangan, permusuhan (sama ada diisytiharkan atau tidak), serangan, perbuatan musuh asing, pemberontakan, penderhakaan, kuasa rampasan atau tentera, sabotaj, revolusi, rusuhan, kekacauan sivil, perang saudara, keganasan atau darurat;

“pihak-pihak” ertinya pembekal dan pembeli dan terma “pihak” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“sijil bersama bulanan” ertinya sijil yang mengandungi perakuan bersama pembeli dan pembekal mengenai rekod bacaan meter bagi setiap bulan; dan

“standard yang ditetapkan” ertinya standard kualiti air yang ditetapkan oleh Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan atau yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia.

Permulaan

2. (1) Perjanjian bekalan air pukal hendaklah berkuat kuasa apabila perjanjian bekalan air pukal itu didaftarkan oleh Suruhanjaya dan hendaklah kekal berkuat kuasa sehingga tamat tempohnya atau penamatan awal mengikut terma perjanjian bekalan air pukal itu.

(2) Pembekalan air kepada pembeli hendaklah bermula pada tarikh yang dipersetujui oleh pihak-pihak selepas pendaftaran perjanjian bekalan air pukal itu oleh Suruhanjaya.

Tempoh

3. Tempoh perjanjian bekalan air pukal tidak boleh melebihi—
- (a) tempoh lesen individu pihak-pihak; atau
 - (b) tiga tahun, jika mana-mana pihak telah diberikan pengecualian daripada kehendak pelesenan oleh Menteri.

Pembaharuan

4. (1) Perjanjian bekalan air pukal boleh dibaharui oleh pihak-pihak dan tempoh pembaharuan hendaklah tidak melebihi tempoh minimum lesen individu antara pihak-pihak yang dinyatakan dalam klausa 3.

(2) Pihak-pihak hendaklah mengemukakan perjanjian bekalan air pukal yang dibaharui kepada Suruhanjaya untuk pengendorsan tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tamat tempoh perjanjian bekalan air pukal itu.

Pindaan

5. Pihak-pihak boleh meminda perjanjian bekalan air pukal dengan membuat suatu perjanjian tambahan bertulis.

BAHAGIAN B
BEKALAN AIR

Jumlah air yang dibekalkan

6. (1) Pihak-pihak hendaklah menetapkan jumlah air yang akan dibekalkan oleh pembekal kepada pembeli dalam perjanjian bekalan air pukal.

(2) Pembeli boleh, secara bertulis, meminta pembekal untuk menambah atau mengurangkan jumlah air yang dibekalkan yang telah ditetapkan di bawah subklausa (1), dan menyatakan tempoh bagi penambahan atau pengurangan jumlah bekalan air itu.

(3) Sesuatu penambahan atau pengurangan jumlah air yang dibekalkan hendaklah tertakluk kepada persetujuan pembekal dan apabila dipersetujui, pembekal hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai penambahan atau pengurangan itu.

(4) Pembekal hendaklah, apabila memberikan persetujuan kepada permintaan untuk menambah atau mengurangkan jumlah air yang dibekalkan yang dibuat di bawah subklausu (2), mematuhi permintaan itu dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(5) Jika pembekal tidak berupaya untuk membekalkan jumlah air yang dipersetujui di bawah klausa ini disebabkan oleh kejadian *force majeure*, pembekal hendaklah memaklumkan pembeli secara bertulis dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

Sukatan isi padu air yang dibekalkan

7. (1) Air yang dibekalkan kepada pembeli hendaklah disukat menggunakan dua meter yang dipasang di tempat yang ditentukan yang dipersetujui secara bersama oleh pihak-pihak seperti yang berikut:

(a) meter pertama yang merupakan meter pengebilan hendaklah dipasang dan disenggarakan oleh pembekal; dan

(b) meter kedua yang merupakan meter kontingensi hendaklah dipasang dan disenggarakan oleh pembeli.

(2) Pembekal dan pembeli hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan meter itu.

(3) Isi padu air yang dibekalkan oleh pembekal kepada pembeli hendaklah berasaskan kepada bacaan meter pengebilan.

(4) Pihak-pihak hendaklah, pada hari terakhir setiap bulan atau jika hari itu bukan hari bekerja, hari bekerja yang berikutnya, bersama-sama menjalankan bacaan

meter pengebilan dan bersama-sama memperakui rekod bacaan itu dalam sijil bersama bulanan.

(5) Meter pengebilan hendaklah disifatkan tepat bagi maksud pengiraan bayaran air yang dibekalkan jika perbezaan antara bacaan meter pengebilan dengan meter kontingensi tidak melebihi peratusan yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan, dikira berasaskan bacaan yang lebih rendah.

(6) Jika perbezaan antara bacaan meter pengebilan dengan meter kontingensi melebihi peratusan yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan, pihak-pihak hendaklah bersama-sama menjalankan ujian ke atas kedua-dua meter itu untuk menentusahkan ketepatan meter itu.

(7) Jika meter pengebilan rosak atau cacat, meter itu hendaklah digantikan secepat yang boleh dilaksanakan oleh pembekal dan sehingga meter itu digantikan, meter kontingensi hendaklah digunakan untuk menyukat isi padu air yang dibekalkan.

(8) Jika meter kontingensi rosak atau cacat, meter itu hendaklah digantikan secepat yang boleh dilaksanakan oleh pembeli.

(9) Jika kedua-dua meter pengebilan dan meter kontingensi rosak atau cacat, dan sehingga kedua-dua meter itu dibaiki atau digantikan, isi padu air yang disifatkan telah dibekalkan bagi setiap bulan adalah purata isi padu air yang telah dibekalkan bagi tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak tidak melebihi tiga bulan yang terdahulu.

Penentusahan meter

8. (1) Meter pengebilan dan meter kontingensi yang akan digunakan bagi maksud menyukat isi padu air yang dibekalkan hendaklah ditentusahkan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya sebelum meter itu dipasang.

(2) Pembekal hendaklah menyebabkan meter pengebilan diperiksa dan ditentusahkan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya

pada kekerapan yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan dan kos pemeriksaan dan penentusahan itu hendaklah ditanggung oleh pembekal.

(3) Pembeli hendaklah menyebabkan meter kontingensi diperiksa dan ditentusahkan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya pada frekuensi yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan dan kos pemeriksaan dan penentusahan itu hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Kualiti air yang dibekalkan

9. (1) Air yang dibekalkan oleh pembekal hendaklah mengikut standard yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subklausu (1), Suruhanjaya boleh menetapkan standard kualiti air yang lebih tinggi daripada standard yang ditetapkan dan pembekal hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Pembekal hendaklah memastikan tiada kemerosotan dalam kualiti air yang dibekalkan sehingga ke meter pengebilan.

(4) Pembekal hendaklah menyediakan stesen pensampelan sebelum meter pengebilan di suatu tempat yang ditentukan yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(5) Jika air yang dibekalkan tidak mengikut standard yang ditetapkan atau standard kualiti air yang ditetapkan oleh Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, pembekal hendaklah membenarkan pembeli untuk memeriksa atau menjalankan apa-apa ujian sebagaimana yang perlu di stesen pensampelan untuk memuaskan hati pembeli akan kualiti air yang dibekalkan oleh pembekal.

(6) Jika pembekal berpendapat bahawa bekalan air tidak selamat bagi maksud pembekalan biasa kepada orang awam atau menimbulkan risiko kesihatan kepada orang awam, pembekal hendaklah, setelah memaklumkan pembeli, dengan segera menghentikan secara sementara bekalan air kepada pembeli dan memberitahu

Suruhanjaya dengan secepat yang boleh dilaksanakan berkenaan dengan pemberhentian bekalan air itu.

BAHAGIAN C GANGGUAN BEKALAN AIR

Gangguan bekalan air

10. (1) Jika penyenggaraan berjadual akan atau boleh menyebabkan gangguan bekalan air, pembekal hendaklah memberikan notis bertulis kepada pembeli, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum gangguan bekalan air itu.

(2) Jika gangguan bekalan air tidak berkaitan dengan penyenggaraan berjadual, pembekal hendaklah dengan serta-merta memberitahu pembeli mengenai sifat dan skala gangguan bekalan air itu.

(3) Pembekal hendaklah memberitahu pembeli anggaran masa bekalan air akan disambung semula.

(4) Pembekal tidak memungkirinya di bawah perjanjian bekalan air pukal berkenaan dengan jumlah air untuk dibekalkan dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) berlakunya kejadian *force majeure*;
- (b) tidak terdapatnya atau terputusnya bekalan elektrik;
- (c) gangguan bekalan air diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (d) penyiaran notis di bawah seksyen 56 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 oleh Menteri;
- (e) penutupan sesuatu pemasangan atau pemberhentian operasi mana-mana loji rawatan air diluluskan oleh Suruhanjaya;

- (f)* kekurangan atau ketidakcukupan bekalan air mentah daripada sumber air mentah;
- (g)* pencemaran air mentah;
- (h)* perubahan besar pada ciri air mentah;
- (i)* tindakan, ketidakgiatan, tuntutan, pengawalan, kehendak, pencegahan, kekecewaan atau halangan oleh mana-mana agensi kerajaan atau pihak berkuasa yang berkompeten yang lain; atau
- (j)* pemberhentian bekalan air menurut subklausu 9(6).

Kewajipan semasa gangguan bekalan air

11. Jika gangguan bekalan air melebihi tempoh maksimum dua puluh empat jam dan –

- (a)* pembekal gagal untuk menyambung semula bekalan air dalam tempoh yang dinyatakan dalam subklausu 10(3); dan
- (b)* gangguan itu disebabkan oleh keadaan selain hal keadaan yang dinyatakan dalam subklausu 10(4),

pembekal hendaklah bertanggung untuk membayar kepada pembeli kos yang ditanggung oleh pembeli bagi apa-apa tindakan yang diambil oleh pembeli untuk mengatasi kekurangan air kepada pengguna.

BAHAGIAN D

CAJ DAN KADAR BEKALAN AIR PUKAL

Caj bekalan air pukal

12. Sebagai balasan pembekal membekalkan air secara pukal kepada pembeli, pembeli hendaklah membayar kepada pembekal caj bekalan air pukal.

Kadar bekalan air pukal

13. (1) Kadar bekalan air pukal adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran dan boleh diselaraskan menurut klausa 14.

(2) Kadar bekalan air pukal dan apa-apa pelarasan ke atas kadar itu hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya.

Pengiraan caj bekalan air pukal

14. Caj bekalan air pukal bulanan hendaklah dikira berdasarkan—

(a) kadar bekalan air pukal (termasuk apa-apa pelarasan); dan

(b) jumlah air yang dibekalkan yang diperakukan dalam sijil bersama bulanan.

Pembayaran caj bekalan air pukal

15. (1) Pembekal hendaklah, setelah menentukan jumlah caj bekalan air pukal bagi setiap bulan, mengemukakan inuis bulanan bersama sijil bersama bulanan kepada pembeli untuk bayaran.

(2) Pembeli hendaklah dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pembekal antara tiga puluh hingga sembilan puluh hari dari tarikh penerimaan inuis bulanan, membuat pembayaran caj bekalan air pukal yang dinyatakan dalam inuis bulanan itu kepada pembekal.

BAHAGIAN E
PENAMATAN

Penamatan

16. Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain, mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian bekalan air pukal dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak—

- (a) jika mana-mana pihak melanggar terma perjanjian bekalan air pukal itu;
- (b) jika pihak yang melanggar terma perjanjian perjanjian bekalan air pukal itu gagal untuk meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh pihak-pihak; atau
- (c) jika terdapat sebab bagi penamatan perjanjian bekalan air pukal sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

Penamatan kerana rasuah, aktiviti-aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang

17. (1) Jika sesuatu pihak atau mana-mana pengkhidmat atau pekerja sesuatu pihak disabitkan oleh mana-mana mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan perjanjian bekalan air pukal ini atau perjanjian-perjanjian lain yang dimeterai oleh pihak-pihak, pihak yang satu lagi kepada perjanjian bekalan air pukal ini boleh menamatkan perjanjian bekalan air pukal ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dengan serta-merta kepada pihak yang mula-mula disebut itu.

(2) Jika perjanjian bekalan air pukal ditamatkan menurut subklausu (1), pihak yang menamatkan perjanjian bekalan air pukal berhak ke atas segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung berikutan daripada penamatan perjanjian bekalan air pukal.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak yang mula-mula disebut di bawah subklausu (1) tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian, termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan perjanjian bekalan air pukal di bawah klausu ini.

LAMPIRAN
(Subklausu 13(1))
KADAR BEKALAN AIR PUKAL

<i>Jumlah Bekalan</i>	<i>Kadar semeter padu (RM)</i>

JADUAL KEDUA

TERMA PENTING PERJANJIAN BEKALAN AIR PUKAL ANTARA PEMEGANG LESEN
PERKHIDMATAN YANG MENJALANKAN RAWATAN AIR DENGAN PEMEGANG LESEN
PERKHIDMATAN YANG MENJALANKAN PENGAGIHAN AIR

[Subperenggan 4(1)(a)(ii)]

BAHAGIAN A

AM

Tafsiran

1. Bagi maksud perjanjian bekalan air pukal ini—

“caj bekalan air pukal” ertinya caj yang dikenakan oleh pembekal bagi pembekalan air secara pukal kepada pembeli;

“kadar bekalan air pukal” ertinya kadar semeter padu air yang dibekalkan secara pukal;

“meter” ertinya meter alih elektro magnetik;

“penyenggaraan berjadual” ertinya penyenggaraan sistem bekalan air pembekal atau mana-mana bahagian sistem bekalan air itu, yang dikenal pasti dalam pelan penyenggaraan pembekal dan diberitahu kepada pembeli;

“kejadian *force majeure*” ertinya—

- (i) gempa bumi, petir, ribut, banjir, kebakaran, penanggalan, tanah runtuh, cuaca buruk yang luar biasa, wabak atau apa-apa bencana alam yang lain;
- (ii) sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan buangan nuklear, pembakaran bahan api nuklear, bahan buangan toksik radioaktif atau sifat berbahaya apa-apa bahan letupan yang lain, perkumpulan nuklear atau mana-mana bahagian komponen nuklear;
- (iii) rusuhan dan kekacauan, mogok, sekat masuk atau pergolakan buruh atau pertikaian industri yang lain (yang menjejaskan pelaksanaan perjanjian bekalan air pukal) yang bukan kesalahan pihak-pihak atau kontraktornya; dan
- (iv) peperangan, permusuhan (sama ada diisytiharkan atau tidak), serangan, perbuatan musuh asing, pemberontakan, penderhakaan, kuasa rampasan atau tentera, sabotaj, revolusi, rusuhan, kekacauan sivil, perang saudara, keganasan atau darurat;

“pihak-pihak” ertinya pembekal dan pembeli dan terma “pihak” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“sijil bersama bulanan” ertinya sijil yang mengandungi perakuan bersama pembekal dan pembeli mengenai rekod bacaan meter bagi setiap bulan; dan

“standard yang ditetapkan” ertinya standard kualiti air yang ditetapkan oleh Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (2004) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan atau yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia.

Permulaan

2. (1) Perjanjian bekalan air pukal boleh dikuatkuasakan apabila perjanjian bekalan air pukal itu didaftarkan oleh Suruhanjaya dan hendaklah kekal berkuat kuasa sehingga tamat tempohnya atau penamatan awal mengikut terma perjanjian bekalan air pukal itu.

(2) Pembekalan air kepada pembeli hendaklah bermula pada tarikh yang dipersetujui oleh pihak-pihak selepas pendaftaran perjanjian bekalan air pukal itu oleh Suruhanjaya.

Tempoh

3. Tempoh perjanjian bekalan air pukal tidak boleh melebihi—

(a) tempoh lesen individu pihak-pihak; atau

(b) tiga tahun, jika mana-mana pihak telah diberikan pengecualian daripada kehendak pelesenan oleh Menteri.

Pembaharuan

4. (1) Perjanjian bekalan air pukal boleh dibaharui oleh pihak-pihak dan tempoh pembaharuan hendaklah tidak melebihi tempoh minimum lesen individu antara pihak-pihak yang dinyatakan dalam klausa 3.

(2) Pihak-pihak hendaklah mengemukakan perjanjian bekalan air pukal yang telah dibaharui kepada Suruhanjaya untuk pengendorsan tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tamat tempoh perjanjian bekalan air pukal itu.

Pindaan

5. Pihak-pihak boleh meminda perjanjian bekalan air pukal dengan membuat suatu perjanjian tambahan bertulis.

BAHAGIAN B
BEKALAN AIR

Kapasiti reka bentuk

6. (1) Pembekal hendaklah pada setiap masa berupaya untuk mengeluarkan dan membekalkan jumlah air kepada pembeli mengikut kapasiti reka bentuk loji rawatan air.

(2) Jika pembekal tidak dapat mengeluarkan jumlah air mengikut kapasiti reka bentuk loji rawatan air disebabkan oleh—

- (a) kecacatan reka bentuk loji rawatan air yang sedia ada;
- (b) ketidakcukupan air mentah;
- (c) kemerosotan kualiti air mentah; atau
- (d) apa-apa sebab lain yang di luar kawalan pembekal,

pembekal hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai sebab ketidakmampuannya untuk mengeluarkan jumlah air mengikut kapasiti reka bentuk loji rawatan air itu dan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya bagi jumlah air yang boleh dikeluarkan sebelum membekalkan air kepada pembeli.

Jumlah air yang dibekalkan

7. (1) Pembeli hendaklah memaklumkan pembekal secara bertulis akan jumlah air yang perlu dibekalkan oleh pembekal sebelum bermulanya pembekalan air secara pukal.

(2) Jumlah air yang dikehendaki untuk dibekalkan di bawah subklausu (1) hendaklah mengikut kapasiti reka bentuk loji rawatan air atau hendaklah tidak melebihi jumlah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subklausu 6(2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Pembeli boleh, secara bertulis, meminta pembekal untuk menambah atau mengurangkan jumlah air yang dikehendaki untuk dibekalkan di bawah subklausu (1).

(4) Penambahan atau pengurangan jumlah air yang dikehendaki untuk dibekalkan di bawah subklausu (3) hendaklah mengikut kapasiti reka bentuk loji rawatan air itu atau hendaklah tidak melebihi jumlah yang diluluskan oleh Suruhanjaya menurut subklausu 6(2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Pembekal hendaklah mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subklausu (2) dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(6) Jika akibat kejadian *force majeure* pembekal tidak berupaya untuk membekalkan jumlah air yang diminta oleh pembeli di bawah subklausu (1) atau (3), pembekal hendaklah memaklumkan pembeli secara bertulis dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(7) Jika pembeli menghendaki pembekal untuk menambahkan jumlah bekalan air melebihi kapasiti reka bentuk loji rawatan air, pembeli hendaklah meminta secara bertulis kepada pembekal dan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya untuk penambahan itu.

(8) Apabila mendapat kelulusan Suruhanjaya, pembekal hendaklah membekalkan air yang diminta di bawah subklausu (7) dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

Sukat an isi padu air yang dibekalkan

8. (1) Air yang dibekalkan kepada pembeli hendaklah disukat menggunakan dua meter yang dipasang di tempat yang ditentukan yang dipersetujui secara bersama oleh pihak-pihak seperti yang berikut:

(a) meter pertama yang merupakan meter pengebilan hendaklah dipasang dan disenggarakan oleh pembekal; dan

(b) meter kedua yang merupakan meter kontingensi hendaklah dipasang dan disenggarakan oleh pembeli.

(2) Pembekal dan pembeli hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan meter itu.

(3) Isi padu air yang dibekalkan oleh pembekal kepada pembeli hendaklah berasaskan kepada bacaan meter pengebilan.

(4) Pihak-pihak hendaklah, pada hari terakhir setiap bulan atau jika hari itu bukan hari bekerja, hari yang berikutnya, bersama-sama menjalankan bacaan meter pengebilan dan bersama-sama memperakui rekod bacaan itu dalam sijil bersama bulanan.

(5) Meter pengebilan hendaklah disifatkan tepat bagi maksud pengiraan bayaran air yang dibekalkan jika perbezaan antara bacaan meter pengebilan dengan meter kontingensi tidak melebihi peratusan yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia yang berkaitan, dikira berasaskan bacaan yang lebih rendah.

(6) Jika perbezaan antara bacaan meter pengebilan dengan meter kontingensi melebihi peratusan yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan, pihak-pihak hendaklah bersama-sama menjalankan ujian ke atas kedua-dua meter itu untuk menentusahkan ketepatan meter itu.

(7) Jika meter pengebilan rosak atau cacat, meter itu hendaklah digantikan secepat yang boleh dilaksanakan oleh pembekal dan sehingga meter itu digantikan, meter kontingensi hendaklah digunakan untuk menyukat isi padu air yang dibekalkan.

(8) Jika meter kontingensi rosak atau cacat, meter itu hendaklah digantikan secepat yang boleh dilaksanakan oleh pembeli.

(9) Jika kedua-dua meter pengebilan dan meter kontingensi rosak atau cacat, dan sehingga kedua-dua meter itu dibaiki atau digantikan, isi padu air yang disifatkan telah dibekalkan bagi setiap bulan adalah purata isi padu air yang telah dibekalkan bagi tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak tidak melebihi tiga bulan yang terdahulu.

Penentusahan meter

9. (1) Meter pengebilan dan meter kontingensi yang akan digunakan bagi maksud menyukat isi padu air yang dibekalkan hendaklah ditentukan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya sebelum meter itu dipasang.

(2) Pembekal hendaklah menyebabkan meter pengebilan diperiksa dan ditentukan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya pada kekerapan yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan dan kos pemeriksaan serta penentusahan itu hendaklah ditanggung oleh pembekal.

(3) Pembeli hendaklah menyebabkan meter kontingensi diperiksa dan ditentukan ketepatannya oleh mana-mana orang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya pada kekerapan yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis Malaysia yang berkaitan dan kos pemeriksaan serta penentusahan itu hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Kualiti air yang dibekalkan

10. (1) Air yang dibekalkan oleh pembekal hendaklah mengikut standard yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subklausu (1), Suruhanjaya boleh menetapkan standard kualiti air yang lebih tinggi daripada standard yang ditetapkan dan pembekal hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Pembekal hendaklah memastikan bahawa tiada kemerosotan dalam kualiti air yang dibekalkan sehingga ke meter pengebilan.

(4) Pembekal hendaklah menyediakan stesen pensampelan sebelum meter pengebilan di suatu tempat yang ditentukan yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(5) Jika air yang dibekalkan tidak mengikut standard yang ditetapkan atau standard kualiti air yang ditetapkan oleh Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, pembekal hendaklah membenarkan pembeli untuk memeriksa atau menjalankan apa-apa ujian sebagaimana yang perlu di stesen pensampelan untuk memuaskan hati pembeli akan kualiti air yang dibekalkan oleh pembekal.

(6) Jika pembekal berpendapat bahawa bekalan air tidak selamat bagi maksud pembekalan biasa kepada orang awam atau menimbulkan risiko kesihatan kepada orang awam, pembekal hendaklah, setelah memaklumkan pembeli, dengan segera menghentikan secara sementara bekalan air kepada pembeli dan memberitahu Suruhanjaya dengan secepat yang boleh dilaksanakan berkenaan dengan pemberhentian bekalan air itu.

BAHAGIAN C GANGGUAN BEKALAN AIR

Gangguan bekalan air

11. (1) Jika penyenggaraan berjadual akan atau boleh menyebabkan gangguan bekalan air, pembekal hendaklah memberikan notis bertulis kepada pembeli, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum gangguan bekalan air itu.

(2) Jika gangguan bekalan air tidak berkaitan dengan penyenggaraan berjadual, pembekal hendaklah dengan serta-merta memberitahu pembeli mengenai sifat dan skala gangguan bekalan air itu.

(3) Pembekal hendaklah memberitahu pembeli anggaran tempoh bekalan air akan disambung semula.

(4) Pembekal tidak memungkirinya di bawah perjanjian bekalan air pukal dalam hal jumlah air yang dibekalkan dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) berlakunya kejadian *force majeure*;
- (b) tidak terdapatnya atau terputusnya bekalan elektrik;
- (c) gangguan bekalan air diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (d) penyiaran notis di bawah seksyen 56 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 oleh Menteri;
- (e) penutupan sesuatu pemasangan atau pemberhentian operasi mana-mana loji rawatan air diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (f) kekurangan atau ketidakcukupan bekalan air mentah daripada sumber air mentah;
- (g) pencemaran air mentah;
- (h) perubahan besar pada ciri air mentah;
- (i) tindakan, ketidakgiatan, tuntutan, pengawalan, kehendak, pencegahan, kekecewaan atau halangan oleh mana-mana agensi kerajaan atau pihak berkuasa yang kompeten yang lain; atau
- (j) pemberhentian bekalan air menurut subklausu 10(6).

Kewajipan semasa gangguan bekalan air

12. Jika gangguan bekalan air melebihi tempoh maksimum dua puluh empat jam dan—

(a) pembekal gagal untuk menyambung semula bekalan air dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subklausu 11(3); dan

(b) gangguan itu disebabkan oleh keadaan selain hal keadaan yang dinyatakan dalam subklausu 11(4),

pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada pembeli kos yang ditanggung oleh pembeli bagi apa-apa tindakan yang diambil oleh pembeli untuk mengatasi kekurangan air kepada pengguna.

BAHAGIAN D

CAJ DAN KADAR BEKALAN AIR PUKAL

Caj bekalan air pukal

13. Sebagai balasan pembekal membekalkan air secara pukal kepada pembeli, pembeli hendaklah membayar kepada pembekal caj bekalan air pukal.

Kadar bekalan air pukal

14. (1) Kadar bekalan air pukal adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran dan boleh diselaraskan menurut klausa 15.

(2) Kadar bekalan air pukal dan apa-apa pelarasan ke atas kadar itu hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya.

Pengiraan caj bekalan air pukal

15. Caj bekalan air pukal bulanan hendaklah dikira berdasarkan—

(a) kadar bekalan air pukal (termasuk apa-apa pelarasan); dan

- (b) jumlah air yang dibekalkan yang diperakukan dalam sijil bersama bulanan.

Pembayaran caj bekalan air pukal

16. (1) Pembekal hendaklah, setelah menentukan jumlah caj bekalan air pukal bagi setiap bulan, mengemukakan invois bulanan bersama sijil bersama bulanan kepada pembeli untuk bayaran.

(2) Pembeli hendaklah dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pembekal antara tiga puluh hingga sembilan puluh hari dari tarikh penerimaan invois bulanan itu, membuat pembayaran caj bekalan air pukal yang dinyatakan perlu dibayar dalam invois bulanan itu kepada pembekal.

BAHAGIAN E

PENAMATAN

Penamatan

17. Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain, mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian bekalan air pukal dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak-pihak—

- (a) jika mana-mana pihak melanggar terma perjanjian bekalan air pukal itu;
- (b) jika pihak yang melanggar terma perjanjian bekalan air pukal itu gagal untuk meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh pihak-pihak; atau
- (c) jika terdapat sebab bagi penamatan bekalan air pukal sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

Penamatan kerana rasuah, aktiviti-aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang

18. (1) Jika sesuatu pihak atau mana-mana pengkhidmat atau pekerja sesuatu pihak disabitkan oleh mana-mana mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan perjanjian bekalan air pukal ini atau perjanjian-perjanjian lain yang dimeterai oleh pihak-pihak, pihak yang satu lagi kepada perjanjian bekalan air pukal ini boleh menamatkan perjanjian bekalan air pukal ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dengan serta-merta kepada pihak yang mula-mula disebut itu.

(2) Jika perjanjian bekalan air pukal ditamatkan menurut subklausu (1), pihak yang menamatkan perjanjian bekalan air pukal berhak ke atas segala kerugian, kos-kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung olehnya berikutan daripada penamatan perjanjian bekalan air pukal.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak yang mula-mula disebut di bawah subklausu (1) tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian, termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan perjanjian bekalan air pukal di bawah klausu ini.

LAMPIRAN

(Subklausu 14(1))

KADAR BEKALAN AIR PUKAL

<i>Jumlah Bekalan</i>	<i>Kadar semeter padu (RM)</i>

Dibuat 12 Oktober 2015
[KeTTHA: (S)100-1/1/6; PN(PU2)660/XII]

DATO' ISMAIL BIN KASIM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (BULK WATER SUPPLY AGREEMENT) RULES 2015

IN exercise of the powers conferred by subparagraph 180(b)(iii) of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655], the Commission makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Water Services Industry (Bulk Water Supply Agreement) Rules 2015**.

Interpretation

2. In these Rules—

“supplier” means a service licensee supplying water in bulk;

“purchaser” means a service licensee purchasing water in bulk;

“bulk water supply agreement” means an agreement to supply water in bulk entered into by service licensees and includes a bulk water supply agreement which has been renewed and a supplemental agreement to a bulk water supply agreement.

Bulk water supply agreement shall be in writing

3. A service licensee who requires water supply in bulk from another service licensee shall enter into a written bulk water supply agreement with the service licensee who has agreed to supply water in bulk.

Terms and conditions

4. (1) A bulk water supply agreement—

(a) shall contain the salient terms provided in—

- (i) the First Schedule, if the bulk water supply agreement is between service licensees carrying out water distribution; or
